A

Noraizuwan bin Hamali lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO R-05(M)-49–01 TAHUN 2022
HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH DAN AZMI ARIFFIN HHMR
23 APRIL 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada tertuduh sengaja menyebabkan kecederaan kepada si mati — Sama ada si mati meninggal akibat kecederaan yang dialami — Sama ada pembelaan tertuduh bahawa si mati mengalami kecederaan apabila jatuh di taman permainan dan di bilik air adalah satu pembohongan dan penafian kosong — Sama ada pembelaan tertuduh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan — Sama ada prinsip 'last seen together' (orang terakhir yang berada bersama si mati) terpakai — Sama ada terdapat inferens bahawa perayu melakukan kesalahan membunuh

D

E

Doktor Koo ('SP3') semasa bertugas di Jabatan Kecemasan Hospital Tuanku Fauziah, Kangar telah menerima seorang kanak-kanak lelaki berumur enam tahun ('si mati') yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. SP3 telah memberikan bantuan pernafasan/CPR dan juga intubasi ke atas namun malangnya si mati gagal diselamatkan. Semasa menerima si mati, SP3 telah membuat pemeriksaan dan mendapati terdapat kesan lebam di bahagian kening dan mata, bawah dagu kiri dan kanan, bahagian perut dan lengan di samping terdapat kesan pendarahan pada kedua-dua mata si mati. Ahli Patologist ('SP6') yang telah melakukan bedah siasat ke atas si mati secara luaran dan dalaman telah mendapati terdapat sekurang-kurangnya 47 kecederaan yang antaranya terdapat kecederaan berganda yang serius. SP6 juga mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan oleh 'blunt force trauma to the abdomen'. Berikutan satu laporan polis, perayu telah dipertuduh melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Perayu dalam pembelaannya, telah, antara lain, mengatakan bahawa si mati ada terjatuh di taman permainan dan juga terjatuh ke atas satu baldi di dalam bilik air dan bila perayu pergi ke bilik air, perayu mendapati si mati berada di dalam keadaan kejang. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah mendapati perayu bersalah sepertimana pertuduhan dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap perayu. Tidak berpuas hati, perayu telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

F

G

H

I

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan; membenarkan rayuan terhadap hukuman:

(1) Berdasarkan kepada keterangan, sudah terang lagi bersuluh bahawa pembelaan perayu bahawa si mati ada terjatuh di taman permainan dan juga terjatuh dan terkena baldi di bilik air adalah suatu pembohongan, penafian kosong semata-mata yang tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan. Pembohongan yang dilakukan oleh perayu ini telah menguatkan lagi keterangan kes pendakwaan (lihat perenggan 31–32).

(2) Prinsip 'last seen together' adalah relevan dan terpakai terhadap perayu iaitu perayu merupakan orang terakhir yang berada bersama si mati. Dapatan fakta ini tidak dicabar oleh perayu. Lain-lain keterangan yang dapat mengaitkan perayu dengan kesalahan bunuh ini adalah: (a) pengesahan SP4 bahawa pada 18 April 2018 jam 3.45 petang, perayu telah mengambil si mati di Tadika Kemas Shorubber dan bawa si mati pulang; (b) pengesahan SP7 ibu si mati yang menyuruh perayu mengambil si mati dari Tadika Kemas Shorubber; (c) kegagalan perayu memberikan apa-apa penjelasan bagaimana kesan-kesan kecederaan-kecederaan boleh berlaku pada si mati sehingga membawa kematiannya; dan (d) pengesahan SP6 bahawa corak kecederaan yang kelihatan boleh dikategorikan sebagai *non-accidental injuries* iaitu corak kecederaan-kecederaan yang bukan bersifat kemalangan. Dengan itu, inferensi yang dibuat adalah perayu adalah individu yang telah melakukan kesalahan ini (lihat perenggan 36).

(3) Tidak terdapat kekhilafan mengenai sabitan di dalam keputusan yang di buat oleh hakim perbicaraan. Sabitan terhadap perayu di bawah s 302 Kanun Keseksaan adalah selamat untuk dikekalkan. Justeru, rayuan perayu terhadap sabitan adalah ditolak. Mengenai hukuman pula, dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023, dan mitigasi yang diketengahkan oleh perayu, ia tidak menjustikasikan untuk hukuman mati dikenakan terhadap perayu. Sehubungan itu, rayuan perayu terhadap hukuman adalah dibenarkan. Hukuman gantung sampai mati yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 35 tahun dari tarikh tangkap dan 12 kali sebatan rotan (lihat perenggan 42–44).

[English summary

When on duty at the Emergency Department of Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Doctor Koo ('PW3') Kangar received a six-year-old boy ('the deceased') who was unconscious. PW3 had provided respiratory assistance/CPR and intubation on him but unfortunately the deceased could not be saved. When receiving the deceased, PW3 conducted an examination

A and found that there were bruises on the eyebrows and eyes, under the left and right chin, abdomen and arms as well as bleeding marks on both eyes of the deceased. The Pathologist ('PW6') who conducted an autopsy on the deceased externally and internally found that there were at least 47 injuries among which there were serious double injuries. PW6 also confirmed that the cause of death
B was blunt force trauma to the abdomen. Following police report, the appellant was charged with committing an offence punishable under s 302 of the Penal Code. The appellant in his defence had, inter alia, claimed that the deceased had fallen on the playground and had also fallen on a bucket in the bathroom and when the appellant went to the bathroom, the appellant found the
C deceased in a state of convulsion. However, the High Court found the appellant guilty as charged and sentenced the appellant to death by hanging. Aggrieved, the appellant filed this appeal to the Court of Appeal.

D **Held**, dismissing the appeal to the conviction; allowing appeal on sentence:

(1) Based on the evidences, it was clear that the appellant's defence that the deceased fell on the playground and also fell and hit the bucket in the bathroom was fabricated, bare denial that did not raise any reasonable doubt in the prosecution's case. The fabrication further corroborated the
E evidence in the prosecution case (see paras 31–32).

(2) The principle of 'last seen together' was relevant and applied to the appellant was the last person who was with the deceased. The fact was not challenged by the appellant. Other evidence that could link the appellant
F to the offence of murder were: (a) PW4's confirmation that on 18 April 2018 at 3.45pm, the appellant had picked up the deceased at Tadika Kemas Shorubber and brought the deceased home; (b) the confirmation by PW7 (the deceased's mother) who asked the appellant to take the deceased from the Shorubber Kemas Kindergarten; (c) the appellant's
G failure to provide any explanation of how the effects of the injuries could have occurred on the deceased leading to his death; and (d) PW6's confirmation that visible patterns of injuries could be categorised as non-accidental injuries. Accordingly, the inference made was that the appellant was the person who had committed this offence (see para 36).

H (3) There was no error on conviction in the decision made by the trial judge. The conviction against the appellant under s 302 of the Penal Code was safe to maintain. Therefore, the appellant's appeal against the conviction was dismissed. On the punishment, when he Abolition of Mandatory
I Death Penalty Act 2023 was in force, together with the mitigation by the appellant, it did not justify the death penalty being imposed on the appellant. Accordingly, the appellant's appeal against the sentence was allowed. The sentence of hanging to death imposed by a High Court judge was set aside and replaced with a sentence of imprisonment for

35 years from the date of arrest and 12 strokes of the whipping (see paras 42–44).]

Kes-kes yang dirujuk

DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405, MP; [2004] 3 CLJ 737 (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, MP (dirujuk)
Kagatree a/p Pechi v PP and another appeal [2023] 3 MLJ 154, MR (dirujuk)
Kurchang Singh v PP [1989] 2 CLJ 442, MT (dirujuk)
Mohd Saifulrizan bin Sainan v PP [2021] 1 MLJ 214, MR (dirujuk)
Pubalan a/l Peremal v PP [2020] 5 MLJ 442, MP (dirujuk)
PP v Lim Chooi Huat & Anor [2011] MLJU 852, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, MP (dirujuk)
PP v Mohd Yusri bin Yusof [2020] MLJU 209; [2020] 1 LNS 110, MT (dirujuk)
Rahanny Rojela v PP [2017] 1 MLJ 196, MR (dirujuk)
Thiagarajan Selvam v PP [2014] 1 LNS 1796, MR (dirujuk)
Ye Wei Gen v PP [1999] 4 SLR 101, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023
Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Noraizuwan bin Hamali* [2022] MLJU 1224 (Mahkamah Tinggi, Klang)

Farida Mohammad (Farida & Co) bagi pihak perayu.
Afzainizam bin Abdul Aziz (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pertuduhan terhadap perayu di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 18 April 2018 jam 3.45 petang hingga 19 April 2018 jam lebih kurang 12.10 tengah malam, di alamat No 33, Jalan Arau, Lorong Cempaka, Kampung Jejawi, di dalam Daerah Kangar, di dalam Negeri Perlis telah membunuh Muhammad Rayyan Hidayat bin Hairil Khan KPT: 120615–09–0097. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

A **[2]** Di akhir kes pembelaan, pada 21 Januari 2022, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah mendapati perayu bersalah sepertimana pertuduhan. Perayu telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

B **[3]** Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pada 25 Januari 2022, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan.

FAKTA KES PENDAKWAAN

C **[4]** Pada 19 April 2018, jam lebih kurang 12.10 tengah malam, SP3 (Doktor Koo Shao Chang) semasa bertugas di Jabatan Kecemasan Hospital Tuanku Fauziah, Kangar telah menerima seorang kanak-kanak lelaki berumur enam tahun bernama Mohamad Rayyan Hidayat bin Hairil Khan ('si mati') yang berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. SP3 telah memberikan bantuan **D** pernafasan/CPR dan juga intubasi ke atas namun malangnya si mati gagal diselamatkan.

[5] Semasa menerima si mati, SP3 telah membuat pemeriksaan dan mendapati terdapat kesan lebam di bahagian kening dan mata, bawah dagu kiri **E** dan kanan, bahagian perut dan lengan di samping terdapat kesan pendarahan pada kedua-dua mata si mati.

[6] Pada tarikh yang sama pada jam lebih kurang 10 pagi, SP1 (Lans Koperal Faizrul Hafizi bin Ab Rashid) ketika bertugas di kaunter pertanyaan Balai Polis **F** Kangar telah menerima panggilan telefon daripada Sjn Arifiin bin Isha yang menyatakan bahawa beliau ada menerima maklumat daripada SP3 berkenaan kematian si mati. Maklumat yang diterima oleh SP1 tersebut telah dijadikan sebagai laporan polis Kangar 3109/18 ('P3').

G

[7] Bertindak di atas laporan SP3 tersebut, pada tarikh yang sama juga, pada jam lebih kurang 10.35 pagi, SP12 (Insp Anuar bin Ekol — pegawai penyiasat awal) bersama-sama SP2 (Koperal Mohd Azhar bin Shahrudin — jurufoto) dan Detektif L/KPL 186162 Mohd Fitri telah berlepas ke Jabatan Forensik **H** Hospital Tuanku Fauziah Kangar dengan menaiki kenderaan kereta pasukan. Sesampai di destinasi yang dituju pada jam sekitar 10.45 pagi, SP12 dengan diiringi oleh SP3 telah melihat keadaan si mati dan SP12 mendapati terdapat banyak kesan lebam pada tubuh badan si mati.

I **[8]** Pada tarikh yang sama, jam lebih kurang 1 tengahari, SP12 bersama SP2 dan Detektif L/KPL 186162 Mohd Fitri telah membawa si mati dengan menaiki van polis dengan diiringi oleh ibu si mati iaitu SP7 (Nurul Azieda bt Nozaimi) menuju ke Hospital Sultanah Bahiyyah, Alor Setar, Kedah bagi tujuan bedah siasat.

[9] Pada jam lebih kurang 3.25 petang, SP12 dan SP2 telah menghadiri bedah siasat ke atas si mati dengan pengecaman mayat si mati telah dibuat oleh SP7 dan emak saudara si mati di hospital tersebut.

[10] SP6 (Doktor Mohd Suhani bin Mohd Noor — patologist) telah melakukan bedah siasat ke atas si mati secara luaran dan dalaman. SP6 mendapati terdapat sekurang-kurangnya 47 kecederaan yang antaranya terdapat kecederaan berganda yang serius:

(a) kecederaan luaran:

(i) kesan-kesan lebam yang berganda di sebelah belakang, tepi kanan dan tepi kiri kulit kepala;

(ii) kesan lebam pada kelopak mata alas sebelah kanan dan pendarahan di bawah selaput mata pada kedua-dua belah mata;

(iii) kesan melecet yang kecil pada bibir atas dan kesan-kesan lebam yang kecil pada kawasan dagu;

(iv) kesan lebam di sebelah bawah kedua-dua belah kiri dan kanan rahang bawah serta kesan-kesan lebam kecil di sebelah hadapan leher;

(v) kesan-kesan lebam yang berganda di sebelah kiri dan kanan dan di bahagian tengan sebelah atas dada;

(vi) sekelompok kesan-kesan lebam yang berganda di bahagian tengah dada;

(vii) kelompok kesan-kesan lebam yang berganda di tepi kiri dan tepi kanan bahagian dada;

(viii) kesan melecet yang sedang sembuh di puting dada kanan dan kiri serta kesan-kesan lebam yang kecil di kedua-dua belah bahagian dada;

(ix) sekelompok kesan-kesan lebam yang berganda di bahagian tengah abdomen di sekitar pusat;

(x) kelompok kesan-kesan lebam di bahagian atas belakang badan;

(xi) sekelompok kesan-kesan lebam kedua-dua belah kiri dan kanan yang berganda di sebelah tengah bahagian bawah belakang badan di aras pinggang;

(xii) kesan-kesan lebam di kedua-dua belah lengan atas kiri dan kanan dan juga di kedua-dua belah lengan bawah; dan

(xiii) kesan-kesan lebam kecil di kedua-dua belah bahagian kaki bawah.

(b) kecederaan dalaman:

(i) kesan-kesan lebam yang berganda di bawah lapisan kulit kepala di bahagian belakang;

(ii) kesan-kesan lebam pada otot sebelah hadapan di bahagian leher;

(iii) kesan patah pada kedua-dua belah tulang rusuk sebelah bawah sangkar dada;

(iv) kesan-kesan lebam pada kedua-dua belah organ paru-paru;

(v) kesan-kesan lebam pada kedua belah organ diafragma;

(vi) kesan-kesan lebam pada otot dinding hadapan bahagian abdomen;

(vii) pendarahan sebanyak 400ml di dalam rongga abdomen serta pendarahan yang teruk di ruang belakang rongga abdomen;

(viii) luka-luka koyak yang teruk pada organ mesenteri iaitu satu organ yang berbentuk selaput yang memautkan organ usus kecil pada dinding belakang rongga abdomen; dan

(ix) kesan-kesan lebam yang berganda pada organ usus kecil dan juga kesan lebam pada organ limpa.

[11] Mengikut SP6, si mati mengalami dua pendarahan teruk yang jelas daripada P4(124), (125) dan (129) yang berlaku pada rongga abdomen dan ruang belakang antara rongga dinding belakang abdomen. SP6 mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan oleh 'blunt force trauma to the abdomen'.

[12] SP6 menyatakan lagi jika dilihat kepada corak kecederaan yang dialami oleh si mati, ianya boleh dikategorikan sebagai *non-accidental injuries* iaitu corak kecederaan-kecederaan yang bukan bersifat kemalangan dan bukan juga disebabkan oleh kesan terjatuh. Selanjutnya, SP6 menganggarkan bahawa si mati telah meninggal dunia sejurus sebelum sampai di hospital dan kecederaan-kecederaan yang baru telah berlaku dalam lingkungan dua jam. Laporan bedah siasat SP6 telah ditandakan sebagai eksh P11.

[13] Pada 23 April 2018, SP6 telah melawat tempat kejadian kerana terdapat dakwaan bahawa kecederaan kesan-kesan lebam di bawah dagu si mati adalah berpunca daripada si mati terjatuh ke atas satu baldi di dalam bilik air. Namun begitu, SP6 mendapati tiada bukti sedemikian.

[14] Mengikut ibu si mati iaitu SP7, beliau telah mengenali perayu selama lebih kurang lapan bulan sebelum kejadian ini berlaku di mana pada 2 April 2018, SP7 dan perayu telah menyewa rumah beralamat di No 33, Lorong Cempaka Jejawi, Perlis ('tempat kejadian'). Rumah ini disewa daripada SP8

(Yusoff bin Nayan). SP7 dan perayu tinggal bersama-sama si mati dengan kadar sewa RM350 sebulan.

[15] SP7 di dalam keterangannya menyatakan bahawa tarikh kejadian (18 April 2018) SP7 telah memandikan si mati sebelum menghantarnya dengan motosikal ke Tadika Kemas Shorubber. Pada ketika si mati dimandikan, SP7 tidak melihat adanya apa-apa tanda/kesan mencurigakan pada badan si mati. Si mati kelihatan ceria dan aktif.

[16] Sebaik sahaja SP7 tiba di bangunan tadika, si mati naik ke kelas tadikanya dan ini turut disahkan SP4 yang merupakan cikgu di tadika tersebut. Si mati telah menghadiri tadika tersebut sejak 2017. SP4 yang mengajar si mati daripada jam 8.20 pagi sehingga 12.30 tengahari mendapati si mati berkeadaan ceria, aktif serta tiada sebarang tanda-tanda yang menunjukkan si mati tidak sihat.

[17] SP5 (Natasha Nadia bt Ismail) yang bertugas menguruskan masakan, minuman dan memandikan dan memantau budak-budak di tadika tersebut mengatakan bahawa sepanjang si mati berada di tadika si mati kelihatan ceria, aktif dengan tiada sebarang tanda tidak sihat. Semasa SP5 memandikan si mati, SP5 mendapati badan si mati berada di dalam keadaan yang biasa sahaja tanpa sebarang calar atau luka dan kesan-kesan lebam sepertimana di dalam gambar eksh P4(22–58).

[18] SP4 dan SP5 mengenali perayu kerana perayu sering datang mengambil si mati di tadika tersebut. Malah SP7 juga pernah menyatakan kepada SP4 bahawa perayu adalah bakal suaminya dan si mati juga memanggil perayu sebagai abah.

[19] Pada 18 April 2018, jam 3.45 petang, perayu telah datang ke tadika tersebut untuk membawa si mati pulang. SP4 dan SP5 telah menyerahkan si mati kepada perayu.

[20] Pada tarikh kejadian, SP7 bekerja di Kilang Shorubber. Shif kerja bermula daripada jam 3.45 petang sehingga 11.45 malam dan ini disahkan oleh SP11 yang merupakan penyelia kepada SP7 dan juga disahkan melalui eksh P29 dan P30. SP7 dihantar ke tempat kerja oleh perayu dengan menaiki motosikal milik SP7 dan SP7 menyuruh perayu mengambil si mati dari tadika selepas menghantar SP7. SP7 pada hari tersebut tidak membawa telefon bimbit ke tempat kerja.

[21] Sewaktu SP7 sedang bekerja iaitu di antara jam 11–11.45 malam, perayu telah memberikan pesanan melalui *Facebook Messenger* kepada rakan sekerjanya SP7 iaitu SP10 (Haini bt Abd Wahab) meminta SP7 keluar

daripada kilang. Setelah habis kerja SP7 keluar dari kilang dan berjumpa perayu pada jam lebih kurang 11.50 malam dan bertanya kenapa 'message' semasa SP7 sedang bekerja.

[22] Perayu mengatakan kepada SP7 bahawa si mati sakit perut mungkin kerana salah makan semasa di tadika. Semasa perjalanan pulang perayu memberitahu SP7 'kalau jadi apa-apa dekat anak, jangan marah'. Bila sampai di rumah sekitar jam 11.55 malam dan apabila masuk ke rumah, SP7 mendapati si mati terbaring dan berselimut. Walaupun cuba dikejut oleh SP7 namun si mati didapati tidak bergerak lalu SP7 dan perayu membawa si mati ke hospital dengan menaiki motosikal milik SP9 (Mohamad Yusri bin Khairol Sazali) jiran SP7. SP9 telah diberitahu oleh perayu bahawa si mati terjatuh di dalam bilik air.

[23] SP7 telah mengendong si mati di atas motorsikat sehingga sampai di Hospital Tuanku Fauziah. Si mati telah dibawa oleh SP7 ke Unit Kecemasan di hospital tersebut. Pemeriksaan perubatan telah dilakukan oleh SP3 namun SP3 telah mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia.

KES PEMBELAAN

[24] Perayu telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah di kandang saksi. Ringkasan keterangannya, di antara lainnya, adalah seperti berikut:

(a) perayu mengakui pada tarikh kejadian (18 April 2018), beliau tinggal di alamat No 33 Lorong Cempaka bersama-sama si mati dan SP7. Tertuduh dan SP7 merupakan pasangan kekasih dan telah hampir sebulan menetap di rumah tersebut yang sewanya dibayar oleh perayu;

(b) mengikut perayu, pada malam kejadian iaitu sekitar jam 11 malam, perayu telah dikejutkan oleh si mati dengan si mati mengatakan dia sakit. Perayu menyuruh si mati pergi muntah di bilik air. Perayu kemudiannya terdengar bunyi terjatuh di bilik air dan bila perayu pergi ke bilik air, perayu mendapati si mati berada di dalam keadaan kejang. Perayu mengangkat si mati dan perayu terbau najis di tubuh si mati. Perayu membuka baju dan seluar si mati dan mendapati terdapat najis dan air kencing pada tubuh si mati. Si mati dimandikan oleh perayu dan si mati diletakkan di atas sebidang toto di hadapan pintu bilik air tersebut;

(c) si mati kemudiannya diletakkan di atas kain pelikat dan perayu mendapati si mati berada di dalam keadaan yang teramat lesu. Apabila ditanya, si mati menyatakan dia sakit perut lalu perayu pun menyapukan minyak angin di perut si mati. Perayu memakaikan baju kepada si mati dan setelah melihat jam perayu mendapati bahawa sudah tiba masanya

untuk dia menjemput SP7 dari tempat kerja;

(d) perayu menanyakan kepada si mati sama ada dia hendak pergi bersama-sama dengan perayu untuk mengambil SP7 di tempat kerja tetapi si mati menjawab tidak mahu ikut. Si mati menyatakan dia dahaga lalu perayu mengambil air dan memberikan kepada si mati untuk minum. Perayu mengangkat kepala si mati atas ribanya dan mengambil botol air mineral yang perayu gunakan untuk memakan ubat kerana perayu demam pada hari tersebut;

(e) si mati kata dia hendak rehat lalu perayu selimutkan si mati dengan kain pelikat dan berkata kepada si mati untuk tunggu sekejap dahulu kerana perayu ingin pergi menjemput SP7 dari tempat kerjanya. Perayu kemudiannya meninggalkan si mati dengan menaiki motosikal untuk ke tempat kerja SP7. Pada masa itu si mati hanya berada seorang diri sahaja;

(f) perayu memaklumkan kepada SP7 bahawa si mati jatuh di bilik air dan apabila sampai di rumah SP7 masuk ke dalam rumah dan mendapati pada masa tersebut si mati masih hidup namun dalam keadaan terlalu lemah. Perayu menyuruh SP7 meletakkan semula si mati kerana perayu mahu melakukan bantuan kecemasan ('CPR'). Perayu menyatakan si mati kembali bergerak lalu perayu dan SP7 membawa si mati ke hospital; dan

(g) perayu mengesahkan telah mengambil si mati dari tadika pada petang 18 April 2018 di mana ketika itu si mati sihat dan ceria. Perayu menyatakan dia tidak tahu siapa yang menyebabkan kecederaan pada si mati.

Peruntukkan undang-undang berkaitan:

(a) s 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

Except in the cases hereinafter excepted culpable homicide is murder —

(i) If the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;

(ii) If it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;

(iii) If it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or

(iv) If the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

A PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN HUKUMAN DI PERINGKAT RAYUAN

[25] Secara prinsipnya, mahkamah di peringkat rayuan jarang sekali campurtangan atau mengganggu dapatan fakta yang dibuat hakim perbicaraan melainkan terdapat alasan-alasan yang kukuh dan mendesak untuk berbuat demikian.

[26] Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

[27] In *Ye Wei Gen v Public Prosecutor* [1999] 4 SLR 101, Yong Pung How CJ (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> It is trite law that an appellate court will be slow to overturn the trial judge's finding of fact unless it can be shown that his decision was plainly wrong or against the weight of the evidence before him ... These cases thus stand for the principle that findings of fact by the trial judge are prima facie correct unless there are very good grounds for disturbing them.

[28] Di dalam *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances. under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s 87 of the CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

[29] Di dalam *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 2 MLRA 590, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case or indeed any case to make its awn findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial court. The reason is obvious an appellate

court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial court.

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[30] Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah mengupas keterangan kes pembelaan dan menyimpulkan seperti berikut:

[64] Semasa kes pendakwaan dan pembelaan versi yang dikemukakan oleh pihak pembelaan adalah si mati ada terjatuh di taman permainan dan juga terjatuh dan terkena baldi di bilik air. Semasa proses soal balas oleh pihak TPR, tertuduh tidak dapat menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku sepertimana keterangan berikut:

> TPR: Boleh kamu jelaskan bagaimana wujudnya kesan-kesan lebam ini sedangkan waktu pagi sehingga 3.45 petang itu keadaan dia elok sahaja?
>
> Tertuduh: Saya tidak tahu nak jelaskan macamana. Tidak pandai nak jelaskan.
>
> TPR: Tidak tahu nak jelaskan bagaimana kesan-kesan kecederaan dalam gambar ini boleh berlaku pada mangsa?
>
> Tertuduh: Saya tidak tahu.

[65] Bila dirujuk silang kepada keterangan SP6 kecederaan sama ada jatuh di taman permainan mahupun terjatuh dan terkena baldi di bilik air adalah tidak konsisten dengan kecederaan yang sebegitu serius yang dialami si mati. Tambahan pula SP6 telah memberikan keterangan yang jelas bahawa kecederaan yang dialami bukanlah kecederaan berakibat daripada kemalangan (*non-accidental injuries*). Tertuduh pula sepertimana petikan daripada soal balas di atas tidak dapat menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku hingga mengakibatkan kecederaan yang dialami.

[66] Berdasarkan keterangan SP4, SP5 dan SP7, si mati sihat, ceria dan aktif dengan tiada kesan kecederaan semasa hendak ke tadika dan sepanjang tempoh berada di tadika. Tiada pertikaian bahawa si mati diambil oleh tertuduh dari tadika pada jam 3.45 petang dan berada hanya bersama tertuduh sehingga tertuduh pergi menjemput SP7 dari tempat kerja. Dengan keadaan tersebut hanya satu kesimpulan yang boleh dibuat iaitu kecederaan-kecederaan yang dialami adalah dilakukan tertuduh sehingga membawa kematian.

[67] Keterangan tertuduh sebenarnya bersifat penafian kosong semata-mata dengan fakta penting adalah tertuduh mengakui bahawa dalam tempoh masa sepertimana di dalam pertuduhan, tertuduh berada bersama-sama si mati dengan si mati di bawah jagaannya dan tiada individu lain bersama mereka.

[68] Tertuduh adalah individu terakhir bersama-sama si mati sebelum si mati disahkan tidak sedarkan diri oleh SP7 pada jam lebih kurang 11.55 malam. Keterangan juga menunjukkan hanya SP7, tertuduh dan si mati tinggal di rumah tempat kejadian iaitu No 33, Jalan Arau, Lorong Cempaka Kampung Jejawi semenjak 2 April 2018 sehingga tarikh kejadian iaitu 18 April 2018.

[69] Keterangan tertuduh semasa kes pembelaan yang si mati menyatakan kepada tertuduh si mati ingin berehat pada pukul 11.35 malam adalah tidak konsisten

dengan unjuran masa (*time line*) berdasarkan eksh P6 (G, J dan K) iaitu gambar perbualan *Facebook messenger* antara SP10 dan tertuduh yang menunjukkan bahawa pada 18 April 2018 jam 11.20 malam tertuduh sudah berada di tempat pengawal kilang di mana SP7 bekerja. lni menunjukkan tertuduh sudah meninggalkan si mati keseorangan sejak jam 11.20 malam lagi. Perbandingan ini menunjukkan bahawa tertuduh bukanlah saksi yang bercakap benar bila dibandingkan keterangan tertuduh semasa kes pembelaan dengan keterangan dokumen yang ada.

[70] Berdasarkan pertimbangan ke atas kes pembelaan, mahkamah berpuas hati bahawa apa yang dikemukakan semasa kes pembelaan semata-mata bersifat penafian kosong atau 'bare denial' malahan tertuduh nyata gagal untuk menjelaskan bagaimana si mati mengalami kecederaan-kecederaan yang membawa maut semasa di dalam jagaannya. Pembelaan tertuduh adalah 'suspicious and inherently improbable'.

KEPUTUSAN KAMI

[31] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan, sudah terang lagi bersuluh bahawa pembelaan perayu bahawa si mati ada terjatuh di taman permainan dan juga terjatuh dan terkena baldi di bilik air adalah suatu pembohongan, penafian kosong semata-mata yang tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan.

[32] Pembohongan yang dilakukan oleh perayu ini telah menguatkan lagi keterangan kes pendakwaan. Mahkamah Tinggi di dalam kes *Kurchang Singh v Public Prosecutor* [1989] 2 CLJ 442 memutuskan seperti berikut:

corroboration may come from the other prosecution witnesses or from the accused. Deliberate lies or incriminating conduct in a material particular can constitute corroboration.

[33] Di dalam kes *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah CJ telah memutuskan seperti berikut:

The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.

[34] Di dalam *Public Prosecutor v Lim Chooi Huat & Anor* [2011] MLJU 852, mahkamah memutuskan:

I am of the view that OKT2 is an unreliable witness and his evidence is unacceptable. OKT2's evidence was riddled with bare denials. And it is settled law that a bare denial is not a defence: see the Federal Court case of *DA Duncan v Public*

Prosecutor [1980] 2 MLJ 195.

[35] Manakala di dalam kes *Thiagarajan Selvam v Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 1796, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohtarudin Baki HMR (beliau pada ketika itu) mememutuskan:

> [12] Perayu memilih untuk memberi keterangan TANPA sumpah dari kandang tertuduh. Tiada saksi lain atau apa-apa keterangan dokumentari dibawa masuk. Perayu menafikan berada di tempat kejadian seperti pertuduhan. Pembelaan sebegini adalah 'bare denial' dan bukan pembelaan alibi (rujuk *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ Rep 166). Hakim bicara adalah khilaf apabila menganggap pembelaan berbentuk alibi (rujuk ms 146 RR perenggan pertama). Walau bagaimanapun kekhilafan ini tidak mencacatkan sabitan, ini kerana hakim bicara juga memutuskan pembelaan adalah 'bare denials' di mana hakim bicara telah merujuk kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324; [1980] CLJU 212; [1980] 1 LNS 212 di ms 145 RR. Kami bersetuju bahawa pembelaan adalah 'bare denials' penafian semata-mata.
>
> [13] Secara ringkas pembelaan perayu bahawa pada hari kejadian perayu telah datang ke Johor Bahru untuk berjumpa seorang bernama 'Boy' dengan tujuan membeli dadah. Semasa berjumpa dengan 'Boy' di bilik hotel yang disewa oleh 'Boy' perayu ada melihat 'Boy' memegang sepucuk pistol tetapi perayu tidak bertanya lebih lanjut. Selepas mendapat bekalan dadah, perayu telah pulang ke Tampin dengan menaiki bas.
>
> [14] Kami bersetuju sebulat suara, bahawa pembelaan hanyalah merupakan penafian semata-mata, ianya tidak berupaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Di dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah*: 'A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient'.

[36] Di dalam konteks ini, kami juga berpandangan bahawa prinsip 'last seen together' adalah relevan dan terpakai terhadap perayu di dalam kes ini sepertimana yang dijelaska di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Yusri bin Yusof* [2020] MLJU 209; [2020] 1 LNS 110 di mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> [57] The recent Court of Appeal case of *Rakesh Kumar a/l Thangagrajoo lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan* [2017] MLJU 618; [2017] 1 LNS 502 discussed the said concept and held the following: 'Kami juga bersetuju dengan penghujahan timbalan pendakwa raya berkenaan dengan pemakaian konsep 'last seen together' seperti mana diputuskan dalam kes *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 Supreme Court 393. Dalam kes ini, Mahkamah Agung di India telah memutuskan seperti yang berikut:
>
> > The 'last seen together' theory has been elucidated by this court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:
> >
> > Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the

prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer any explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the cime. Thus, the doctine of last seen together shifts the burden on the accused, requiing him to explain how the accident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very presumption against him.

[37] Di dalam kes *Kagatree a/p Pechi v Public Prosecutor and another appeal* [2023] 3 MLJ 154, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Nordin Hassan HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

[56] On this issue, the evidential value of 'last seen together' is, inter alia, to show that there wasan opportunity for the person last seen with the victim to commit the offence against the victim. It is corroborative in nature which corroboratesthe other evidence presented by the prosecution. Consequently, the last person with theaccused has to explain his presence with the victim at the material time. This theory or doctrine of last seen together is applicable especially when the time gap between the accused and the victim were last seen alive was very short which could exclude another person from committing the offence against the victim.

[57] *Sarkar Law of Evidence* (18th Ed, Vol J) at p 140, states this: *The last seen theory comes into play where the time-gap between the point of time when the accused and the deceased were last seen alive and when the deceased is found dead is so small that possibility ofany person other than the accused being the author of the crime becomes impossible*. It would be difficult in some cases to positively establish that the deceased was last seen with the accused when there is a long gap and the possibility of other persons coming in between exist. In absence of any other positive evidence to conclude that the accused and the deceased were last seen together, it would be hazardous to come to a conclusion of guilt in those cases. The circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that the accused who committed the offence ... (Emphasis added.)

[58] In a recent case of *Salem ak Brayon v Public Prosecutor* [2023] 1 MLJ 441; [2022] 1 LNS 2917, this court had the opportunity to deal with the same issue and explained as follows:

[53] Our attention was drawn to the Indian SupremeCourt decision of *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 Supreme Court 393 wherethe Supreme Court of India held that:

The 'last seen together' theory hasbeen elucidated by this court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:

Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the

prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer an explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to famish any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.

[54] Under the circumstances of this case where, in our view, the 'last seen together' theory applies, the burden shifted to the appellant to proffer a strong and cogent explanation and rebut the presumption that his act or series of acts led to the deceased's death and the inference that he committed the acts. The absence of such an explanation would be detrimental to his defence (see *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80 *KanhaiyaLal v State of Rajasthan* [2014] 4 SCC 715).

[59] Reverting to the present case, the evidence of 'last seen together' is not the only evidence presented by the prosecution. There is ample other evidence produced before the court as alluded to earlier, to show the first appellant's common intention with the second appellant's in the offence of murder against the victim. This is reflected in the trial judge's grounds of judgment which, inter alia states:

[63] To conclude, it was evident that the first accused, Kagatree had committed the crime by participating in it based on the evidence from the CCTV recording, she was the last person markedly seen to be with the deceased. Furthermore, the loot was found in her presence and she was the one who gave directions to where the other stolen items were thrown away ...

[60] Further, the time gap between the appellants' last seen with the victim alive is only a short while before PW10 found the victim motionless in house No 19 we find the trial judge was not wrong in applying the doctrine of 'last seen together' against the appellants.

[38] Di dalam kes *Mohd Saifulrizan bin Sainan v Public Prosecutor* [2021] 1 MLJ 214, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohamad Zabidin Mohd Diah HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

[41] We are aware that the fact the appellant was the last seen with the deceased by itself may not be enough to prove a case beyond reasonable doubt, but in this case, it is pertinent to note, PW4 saw the appellant putting the deceased in his car at about 7am. There were only two of them in the car. Both left and about 30 minutes later, PW4 saw the appellant coming back alone. The spot where the deceased was found is 8 km away from the deceased home and approximately 15 minutes by car as testified by PW14. Therefore, on of account of the close proximity of place and time between the event the appellant having last seen with the deceased and the factum of death, it is reasonable to conclude that either the appellant should explain

how and in what circumstances the deceased suffered the death or should own the liability for the homicide. The Supreme Court of India in *Rishi Pal v State of Uttarakhannd* 2013 (2) ACR 147, had this to say regarding the principle of last seen evidence:

> 16. In *Mohibur Rahman and Anr v State of Assam* (2002) 6 SCC 715, this court held that the circumstance of last seen does not by itself necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. It depends upon the facts of each case. There may however be cases where, on account of close proximity of place and time between the event of the accused having been last seen with the deceased and the factum of death, a rational mind may be persuaded to reach an irresistible conclusion that either the accused should explain how and in what circumstances the victim suffered the death or should own the liability for the homicide. Similarly, in *Arjun Marik and Ors v State of Bihar* 1994 Supp (2) SCC 372, this court reiterated that the solitary circumstance of the accused and victim being last seen will not complete the chain of circumstances for the court to record a finding that it is consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused. No conviction on that basis alone can therefore, be founded.

[42] In this case, the prosecution's case was not entirely based on the last seen theory. The finding of guilt made by the trial judge was also not relied on the last seen theory alone, but based on all the circumstantial evidence produced which when taken together would only point to the guilt of the appellant. Other than the fact that the appellant was last seen with the deceased, supported with an account of close proximity of place and time between the event the appellant having last seen with the deceased and the factum of death, learned trial judge also took into account the bad family relationship between the appellant and the deceased's family as the motive which connects the appellant to the factum of murder. The fact that the appellant had revealed to PW8 the whereabout of the deceased and the dead body of the deceased was recovered by the police based on the appellant's information, the blood stain in the appellant's car which contained the deceased DNA were also taken into account. Based on all these evidence, we find no reason to disagree with the learned trial judge's conclusion that it is safe to conclude that the appellant, who was last seen with the deceased, brought the deceased there, gripped the deceased by his chest (based on PW5's evidence that the deceased chest was gripped) threw him into the river and left him there to drown.

[43] For the above said reasons, we find the learned trial judge had not committed any appealable error in dealing with the circumstantial evidence before her and made a correct conclusion that the available evidence could lead to only one irresistible conclusion and that conclusion is that it was the appellant who had committed the murder of the deceased. Therefore, the first ground raised by appellant is without merit.

[39] Berlandaskan kepada nas undang-undang di atas, kami mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa perayu merupakan orang terakhir yang berada bersama si mati. Dapatan fakta ini tidak dicabar oleh perayu. Walaupun begitu, kami amat menyedari bahawa tiada saksi mata yang

melihat perayu melakukan perbuatan tersebut dan sabitan tidak boleh dibuat hanya semata-mata berdasarkan kepada keterangan 'last seen together' sahaja. Namun di dalam kes ini terdapat lain-lain keterangan yang dapat mengaitkan perayu dengan kesalahan bunuh ini. Di antaranya adalah seperti berikut:

(a) SP4 mengesahkan bahawa pada 18 April 2018 jam 3.45 petang, perayu telah mengambil si mati di Tadika Kemas Shorubber di Jejawi dan bawa si mati pulang. SP4 cam perayu kerana pernah berbual dengan perayu yang memperkenalkan dirinya sebagai bakal suami kepada ibu si mati ('SP7');

(b) SP5 cam perayu kerana perayu pernah datang di tadika tersebut dan mengambil si mati pada jam 3.45 petang. Si mati ketika itu sedang turun tangga pakai kasut sebelum dibawa pulang oleh perayu yang dipanggil sebagai 'abah' oleh si mati;

(c) SP7 ibu si mati mengesahkan perayu telah menghantar SP7 ke kilang Shorubber pada 18 April 2018 jam 3.30 petang dengan motosikal dan SP7 telah menyuruh perayu mengambil si mati dari Tadika Kemas Shorubber;

(d) perayu gagal untuk memberikan apa-apa penjelasan bagaimana kesan-kesan kecederaan-kecederaan yang banyak itu boleh berlaku pada si mati sehingga membawa kematiannya. Dengan itu, inferensi yang dapat kami buat adalah perayu adalah individu yang telah melakukan kesalahan ini; dan

(e) mengenai kecederaan yang dialami oleh si mati, SP6 mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan oleh kecederaan daya tumpul pada abdomen si mati yang telah mencederakan organ dalaman di dalam abdomen dan telah mengakibatkan pendarahan pada si mati dan ini bersifat maut. Malah SP6 juga mengatakan bahawa corak kecederaan yang kelihatan boleh dikategorikan sebagai *non-accidental injuries* iaitu corak kecederaan-kecederaan yang bukan bersifat kemalangan. SP6 juga mendapati kecederaan ke atas si mati boleh dilakukan oleh seorang individu. SP6 menyimpulkan bahawa besar kemungkinan kematian berlaku sejurus sebelum si mati sampai ke Hospital Tuanku Fauziah pada malam yang berkenaan.

[40] Di dalam konteks keterangan pakar perubatan, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Abang Iskandar HMR (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Rahanny Rojela v Public Prosecutor* [2017] 1 MLJ 196, menegaskan keterangan patologi adalah bebas dan objektif dan mempunyai nilai pemberatnya yang tersendiri.

> [42] ... It must be recalled that the evidence of the pathologist must be regarded as independent and objective evidence made by a witness who had no personal knowledge of both the appellant and the deceased. Surely the pathologist had no axe

A to grind against the appellant. As such, her evidence did not suffer from any suspicion whatsoever which may cast aspersion as to its credibility. Such evidence emanating from the pathologist was indeed weighty in its own right.

B **[41]** Di dalam kes *Pubalan a/l Peremal v Public Prosecutor* [2020] 5 MLJ 442, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Vernon Ong HMP (beliau pada ketika itu) menekankan peranan patologist yang dipanggil sebagai saksi pendakwaan seperti berikut:

C [20] We take this occasion to stress in passing that the outcome of a prosecution on a charge for murder does not turn solely on the testimony of the forensic pathologist. The forensic pathologist does not carry the burden of the case. *His testimony is a factual and objective presentation of his autopsy findings and his opinions on the correlation of the autopsy findings with other case information*. Even though he is called by the prosecution to testify, he is first and foremost an expert witness who should be impartial, objective and independent ...

D

KESIMPULAN

[42] Setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan dan penghujahan yang
E dikemukakan oleh kedua-dua pihak, kami sebulat suara mendapati tiada terdapat kekhilafan mengenai sabitan di dalam keputusan yang di buat oleh hakim perbicaraan. Kami mendapati tiada merit dalam rayuan ini. Sabitan terhadap perayu di bawah s 302 Kanun Keseksaan adalah selamat untuk dikekalkan. Justeru itu, kami sebulat suara menolak rayuan perayu terhadap
F sabitan.

[43] Mengenai hukuman pula, dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Act 846) pada 4 Julai 2023, mahkamah ini boleh mempertimbangkan fakor mitigasi dan pemberat di dalam
G melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk menentukan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dengan sebatan tidak kurang 12 kali.

H

[44] Setelah diperhalusi mitigasi perayu, kami sebulat suara mendapati mitigasi yang diketengahkan di dalam kes ini tidak menjustikasikan untuk hukuman mati dikenakan terhadap beliau. Sehubungan dengan itu, rayuan perayu terhadap hukuman adalah dibenarkan. Hukuman gantung sampai mati
I yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 35 tahun dari tarikh tangkap (19 April 2018) dan 12 kali sebatan rotan.

Rayuan terhadap sabitan dikekalkan; rayuan terhadap hukuman dibenarkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju